

Jangan berbalah sesama sendiri – Abdullah

Um- 20/2/2007

PULAU PINANG 19 Feb – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) agar tidak berbalah sesama sendiri sehingga menjejaskan perpaduan dan usaha memajukan negara.

Tegas Perdana Menteri, kerajaan mempunyai banyak tanggungjawab yang perlu dilaksanakan kepada rakyat dan parti komponen BN perlu berbangga dengan permuafakatan yang dibuktikan selama ini sehingga mampu mentadbir negara sehingga 50 tahun.

“Kerja kita masih banyak, oleh itu perlu teruskan muafakat dan jangan bergaduh-gaduh sehingga bermusuhan-musuhan antara satu sama lain.

“Bergaduh ni senang hendak merosakkan keadaan tetapi payah hendak baik semula dan bekerjasama untuk membolehkan negara maju dan berjaya,” katanya.

Abdullah menyatakan demikian ketika berucap pada majlis rumah terbuka Tahun Baru Cina anjuran Parti Gerakan dan MCA di sini hari ini.


Sambil memuji kerjasama erat Gerakan dan MCA Pulau Pinang menganjurkan rumah terbuka Tahun Baru Cina secara bersama yang masuk kali ketiga, Perdana Menteri mahukan kerjasama erat itu terus ditunjukkan pada masa akan datang.

“Selain menjimatkan masa kerana tidak perlu pergi dari satu rumah terbuka anjuran satu pihak ke rumah terbuka anjuran pihak lain, penganjuran secara bersama ini juga dapat menunjukkan persefahaman dan kerjasama erat antara kedua-dua pihak,” katanya.

Idea mengadakan rumah terbuka secara bersama antara kedua-dua parti itu disuarakan sendiri oleh Abdullah dan menjadi kenyataan apabila disambut secara bersama buat pertama kali pada 2005.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan sentiasa menyediakan kemudahan kepada penduduk di negeri ini dan pada masa yang sama, mereka pula perlu berusaha bersungguh-sungguh selain bermuafakat dan bekerjasama membantu kerajaan menajayakan rancangan pembangunan negara.

“Yang penting semua pihak termasuk pemimpin mesti berusaha memajukan rakyat dan wakil rakyat juga perlu sentiasa mem-



ABDULLAH Ahmad Badawi disambut orang ramai setiba beliau pada majlis rumah terbuka Tahun Baru Cina di Pulau Pinang, semalam. – Gambar MOHD. NAIM AZIZ

bantu menajayakan kawasan mereka wakili.

“Melalui cara ini, pembangunan yang diharapkan itu dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih baik,” katanya.

Perdana Menteri turut menyuarakan keyakinannya bahawa BN mampu terus memerintah dan memajukan negara kerana mempunyai rancangan yang disusun atur setiap lima tahun untuk jangka masa panjang.

Katanya, ini dapat dibuktikan menerusi

Wawasan 2020 yang dirancang untuk tempoh 30 tahun dan akan dicapai dalam tempoh 14 tahun lagi, selain disokong oleh Misi Nasional. Kong Choy dan Tsu Koon dalam ucapan masing-masing sebelum itu turut berjanji akan memberikan kerjasama erat antara kedua-dua parti.

Kong Choy berkata, kerjasama antara MCA dan Gerakan di Pulau Pinang kini berada pada tahap yang begitu erat.

Sehubungan itu beliau memberi jaminan

kepada Gerakan bahawa MCA akan tetap memberi sokongan padu kepada semua parti komponen BN dan kepimpinan kerajaan negeri yang diterajui Tsu Koon ketika ini.

Tsu Koon pula menarik perhatian bagaimana kerjasama antara kedua-dua parti itu boleh dilihat daripada usaha Kementerian Pengangkutan yang diterajui sendiri oleh Kong Choy, mahu memajukan Lapangan Terbang Bayan Lepas di sini dan Pelabuhan Pulau Pinang.